



## SIARAN AKHBAR

### **BDCB MEMBUAT SUMBANGAN BANGKU KEPADA HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA (RIPAS)**

**Khamis, 17 Jamadilakhir 1446 bersamaan dengan 19 Disember 2024**

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), melalui usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR), telah menyumbangkan sebanyak lapan buah bangku kepada Hospital RIPAS, Kementerian Kesihatan.
2. Majlis penyerahan telah berlangsung di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak (Women and Children's Centre), Hospital RIPAS. Kerusi bangku tersebut telah diserahkan oleh Yang Mulia Awang Haji Muhd Shukri bin Haji Ahmad, Pengarah Eksekutif, Kewangan Syariah selaku Pengerusi Jawatankuasa CSR BDCB kepada Yang Mulia Awang Haji Hazis bin Haji Ahad, Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital RIPAS. Majlis juga dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Hospital RIPAS dan BDCB.
3. Bangku-bangku tersebut akan ditempatkan di wad dan tempat menunggu yang bersesuaian untuk meningkatkan keselesaan pesakit dan para penjaga. BDCB berharap bahawa penambahan ini akan menaik taraf kemudahan-kemudahan sedia ada dan menyumbang kepada penambahbaikan persekitaran hospital.
4. Inisiatif ini menekankan komitmen BDCB terhadap pembangunan komuniti, memupuk komuniti yang prihatin, dan kebajikan keseluruhan masyarakat.

#### **Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 17 Jamadilakhir 1446H/ 19 Disember 2024M

Ruj: BDCB/COMMS/3